



## **KENYATAAN MEDIA**

### **TIMBALAN PERDANA MENTERI MENTERI PERTAHANAN**

**13 JULAI 2021**

#### **MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mencatatkan jumlah tertinggi penerima vaksin sebanyak 421,479 dos pada 12 Julai 2021, dan ini merupakan sejarah baharu yang pernah diberikan dalam sehari sepanjang Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Untuk rekod, jumlah tertinggi untuk pemberian suntikan vaksin COVID-19 dalam sehari adalah 376,909 dos iaitu 9 Julai lalu.

Data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) mencatatkan, sejumlah 11,788,189 dos jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos 1 dan 2 di seluruh negara.

Bagi yang belum mendaftar untuk mendapatkan vaksin, Kerajaan menyeru supaya tampil dan mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera, pendaftaran melalui laman sesawang [vaccinocovid.gov.my](https://vaccinocovid.gov.my) atau di talian hotline 1-800-88-8828. Selain itu, pendaftaran secara manual juga telah diperkenalkan di klinik kesihatan dan hospital kerajaan.

## **SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan**

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 90,214 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 19,245 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 2,285 buah kilang, 16,822 premis perniagaan, 1,015 tapak pembinaan dan 456 buah asrama penempatan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 67 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

## Pelaksanaan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lintas Sibuga, Sandakan, Sabah	15 Julai 2021	28 Julai 2021
2.	Kampung Telaga & Kampung Pituru, Pitas, Sabah	15 Julai 2021	28 Julai 2021
3.	FELDA Jengka 8, Jerantut, Pahang	15 Julai 2021	28 Julai 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)

## Penamatan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula/Lanjut PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Kubang Jela, Manir, Kuala Terengganu, Terengganu	1 Julai 2021	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 14 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
2.	Kampung Balung Cocos, Tawau, Sabah	1 Julai 2021	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 14 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
3.	Dua Lokaliti di WP Kuala Lumpur <ul style="list-style-type: none"> <li>• PPR Pantai Ria</li> <li>• Taman Bukit Angkasa</li> </ul>	1 Julai 2021	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 14 Julai 2021 seperti yang dijadualkan.
		1 Julai 2021	14 Julai 2021	
		1 Julai 2021	14 Julai 2021	
4.	Kampung Jaya Baru, Kunak, Sabah	22 Jun 2021	19 Julai 2021	Ditamatkan pada 13 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.
5.	Taman Merbau Utama, Mukim Bukit Jawa, Selinsing, Pasir Puteh, Kelantan	21 Jun 2021	18 Julai 2021	Ditamatkan pada 14 Julai 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 90,214 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,880 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,245 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 416 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 372 individu dikompaun manakala 44 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (97)
- Tiada penjarakan fizikal (35)
- Individu gagal mendaftar masuk premis (74)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (43)
- Membawa penumpang berlebihan (39)
- Tidak memakai pelitup muka (58)
- Premis gagal patuhi arahan (6)
- Lain-lain (64)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 47 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas empat (4) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak sebuah bot/kapal dan sebuah kenderaan darat turut dikesan di perairan negara melalui tiga (3) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 940 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 886 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Disinfeksi COVID-19**

Semalam, sebanyak 161 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 70 zon merah, zon jingga (6) dan zon kuning (4).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 955 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 263 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 172 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 31,896 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 478 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 248,019 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 83 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,860 individu telah dikuarantin dan 234,988 orang dibenarkan pulang manakala 3,171 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 754 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (562), pemborong (160) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,592 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,586 premis mematuhi SOP, lima (5) dikompaun manakala satu (1) lagi diberi amaran.

**Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**#StaySafeStayHome**

**#AmalkanKawalanKendiri**

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MENTERI PERTAHANAN**